



21 Januari 2014
21 January 2014
P.U. (A) 21

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2014

ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS VEHICLES) RULES 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN
(LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) 2014**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 29 Januari 2014.

Larangan

2. (1) Pemanduan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 29 dan 30 Januari 2014 dan 8 dan 9 Februari 2014 pada masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

(2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Walau apa pun larangan dalam subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana jenis kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama daripada larangan itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 2(1)]

(1)	(2)
<i>Jenis Kenderaan Barangan</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a) Lori pengangkut rendah, lori balak, lori pembancuh simen, lori jongket dan lori mengangkut simen, besi, keluli, batu, pasir, tanah dan bahan binaan yang lain	sepanjang masa
(b) Jentera berat beroda, traktor dan trak tunda	sepanjang masa
(c) Lori mengangkut amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain	sepanjang masa
(d) Lori pengangkut yang mengangkut kenderaan motor yang berat dengan muatannya melebihi 5,000 kg	sepanjang masa
(e) Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan elektronik atau elektrik	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(f) Kren bergerak	dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di kawasan Lembah Kelang, Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (25 km dari tapak pembinaan) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu

JADUAL KEDUA

[Subkaedah 2(2)]

1. Lori mengangkut gas dan kimia untuk bekalan perubatan dan industri kimia
2. Lori kontena atau kargo yang mengangkut barangan dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri dan sebaliknya
3. Lori kargo yang mengangkut—
 - (a) makanan dan minuman dari kilang, buah-buahan, sayur-sayuran dan barangan keperluan harian yang lain;
 - (b) kelapa sawit, produk kelapa sawit, getah sekerap, susu getah dan bahan mentah yang lain;
 - (c) barang runcit, akhbar, ternakan dan kotak
4. Lori mengangkut sampah dan kumbahan
5. Kenderaan barangan yang berat dengan muatannya tidak melebihi 5,000 kg atau kenderaan barangan tanpa muatan yang dalam perjalanan pulang
6. Lori kontena atau kargo yang berulang-alik di antara terminal dalam kawasan pelabuhan
7. Lori kontena atau kargo yang berulang-alik—
 - (a) dari pelabuhan ke gudang dan sebaliknya; atau
 - (b) dalam kawasan perindustrian yang berhampiran dengan pelabuhan